

Pelan Strategik KUTKM sasar taraf dunia

Archival News | Berita Harian | 18/02/2005

WARGA Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) diminta melaksanakan tanggungjawab masing-masing dalam merealisasikan Pelan Strategik yang dilaksanakan mulai tahun lalu hingga 2015.

Rektornya, Prof Datuk Ismail Hassan, berkata mereka seharusnya menjadikan pelan itu sebagai panduan dalam mencapai matlamat KUTKM muncul universiti teknikal dan inovatif terkemuka di dunia.

Dalam pelan itu katanya, kampus bandar diwujudkan di Kompleks Yayasan Melaka bagi menempatkan Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK) yang mengendalikan program pasca siswazah dan dan eksekutif, tahun ini.

"Turut diwujudkan ialah Pusat Pembangunan Usahawan yang bukan saja menjalankan latihan pembangunan usahawan, malah pembangunan produk hasil penyelidikan," katanya pada Majlis Amanat Rektor KUTKM 2005, di Melaka, baru-baru ini.

Beliau berkata, pelbagai pusat lain termasuk Pusat Universiti Industri, Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi, Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran serta Penerbit Universiti juga akan ditempatkan di kampus bandar.

Bagi mengaktifkan fungsi kampus itu katanya, beberapa kursus profesional dan eksekutif jangka pendek ditawarkan, antaranya Program Latihan Kecekapan Tenaga dan kursus berkaitan teknologi maklumat.

"KUTKM juga menekankan hubungan kerjasama dengan industri. Sehubungan itu, sebuah kampus industri akan diwujudkan.

"Di kampus ini, kami bercadang menempatkan pejabat pengurusan tertinggi universiti, pusat pembangunan, pusat komputer dan semua fakulti sementara

kampus induk di Durian Tunggal siap sepenuhnya 2007," katanya.

Menerusi pelan berkenaan, Ismail berkata, kolej universiti itu mensasarkan 50 peratus staf akademiknya memiliki PhD menjelang 2010.

Mengenai kerjasama industri pula, beliau berkata, KUTKM akan memantapkan Panel Penasihat Industrinya.

"Sehubungan itu, setiap fakulti dan pusat berkaitan perlu mengenal pasti projek penyelidikan dan pembangunan untuk dilaksanakan bersama industri," katanya.

(END) Source : Berita Harian